

Aplikasi Formula Pola Ayat Dalam Penulisan Teks Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

The Application of the Sentence Pattern Formula in Text Writing Among Students' Sultan Idris University of Education (UPSI)

Saipolbarin Ramli¹, Zarima Mohd. Zakaria², Nazri Atoh³, Mohammad Sidik Ariffin⁴

Terima 22 SEPTEMBER 2018	Wasit 26 MAC 2018
-----------------------------	----------------------

ABSTRAK

Para pelajar yang menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam program bahasa Arab merupakan para pelajar yang berkelulusan minima gred B untuk subjek bahasa Arab sama ada di peringkat STAM atau diploma. Walaupun begitu, melalui tinjauan yang dilakukan, kebanyakan pelajar masih lagi mempunyai masalah dalam penulisan teks Arab. Permasalahan ini berlaku disebabkan oleh tahap pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap struktur ayat bahasa Arab berada pada tahap rendah. Kajian ini bertujuan untuk melihat permasalahan penulisan teks dalam kalangan pelajar program bahasa Arab dari aspek sintaksis, leksikal dan morfologi Arab. Pendekatan pengajaran menggunakan formula pola ayat diperkenalkan kepada pelajar sebagai satu alternatif kaedah pengajaran bahasa Arab. Penggunaan formula pola ayat ini bertujuan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran bahasa Arab di samping untuk membantu pelajar bagi menguasai bidang penulisan teks bahasa Arab secara efektif. Kajian ini melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama adalah menganalisis masalah penulisan teks dalam kalangan pelajar. Manakala peringkat kedua pula adalah merekabentuk dan mengolah satu modul baru dalam pengajaran penulisan teks bahasa Arab iaitu formula pola ayat. Korpus kajian merupakan tugas teks individu pelajar yang melibatkan responden seramai 270 orang pelajar. Instrumen kajian pula merangkumi soal selidik, ujian diagnostik, ujian pra dan ujian pasca. Di akhir kajian ini, satu modul pengajaran pola ayat dapat dihasil dan digunakan dalam pengajaran bahasa Arab di peringkat universiti. Diharapkan dengan kaedah alternatif ini dapat memberi sumbangan kepada pedagogi bahasa Arab bagi melesterikan pendidikan bahasa Arab di Malaysia.

Kata Kunci: *Formula pola ayat, teks bahasa Arab, UPSI*

ABSTRACT

Students furthering their studies in Arabic language at first degree level in Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) are those with the minimum B grade in Arabic language either at STAM or diploma level. However, from observations made, most of these students are still having difficulties in writing texts in Arabic. This problem arose due to the students low grasp and understanding of the sentence structure in Arabic. The objective of this study is to analyse the problems in writing texts among students' of the Arabic language programme from the aspects of Arabic syntax, lexical and morphology. The teaching approach will make use of the sentence pattern formula introduced as an alternative in the

¹ Saipolbarin Ramli, PhD, Universiti Pendidikan Sultan Idris, saipolbarin@fbk.upsi.edu.my.

² Zarima Mohd. Zakaria, PhD, Universiti Pendidikan Sultan Idris, zarima@fbk.upsi.edu.my.

³ Nazri Atoh, PhD, Universiti Pendidikan Sultan Idris, nazri.atoh@fbk.upsi.edu.my.

⁴ Mohammad Sidik Ariffin, M.Ed, Universiti Pendidikan Sultan Idris, sidik@fbk.upsi.edu.my.

methodology of Arabic language teaching. The application of the sentence pattern formula is aimed to diversify the Arabic language teaching methodology as well as assisting the students in acquiring effectively Arabic text writing. This study involves two phases. The first phase is an analysis of the difficulties of text writing among the students. The second phase is concerned with developing a new module in the teaching of Arabic text writing which is the sentence pattern formula. The corpus study consists of the individual text assignment of 270 respondents. The research instruments consist of questionnaires, diagnostic tests and pre and post tests. The final aspect of this study is the development of a sentence pattern teaching module which can be used in the teaching of Arabic language at tertiary level. It is hoped that this alternative approach will contribute to Arabic language pedagogy and the enhancement of Arabic language education in Malaysia.

Keywords: *Sentence pattern formula, Arabic language text, UPSI*

Pengenalan

Masalah yang melibatkan penulisan teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar tidak hanya berlaku di peringkat pelajar sekolah menengah sahaja, tetapi situasi yang sama juga turut dihadapi oleh mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar merupakan antara faktor yang menyebabkan masalah penguasaan bahasa Arab dengan baik. Permasalahan ini tidak boleh diambil mudah, sebaliknya ia perlu diselesaikan melalui metode alternatif yang sesuai dan berkesan. Melihat kepada masalah penulisan teks yang dihadapi oleh pelajar dalam semua peringkat pengajian, kajian ini dilakukan dengan harapan dapat membantu untuk mencadangkan satu metode pengajaran penulisan teks dalam bahasa Arab dengan menggunakan model formula ayat. Peringkat awal, model penulisan teks yang digunakan hanya melibatkan penulisan teks ayat kata kerja dalam bahasa Arab.

Model formula ayat digunakan sebagai asas dalam membantu pelajar dalam proses membina ayat kata kerja dalam bahasa Arab. Dengan mengambil kira situasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia sebagai bahasa asing, pendekatan penggunaan model formula ayat ini dapat membantu untuk meningkatkan tahap penguasaan pelajar terhadap proses pembinaan ayat kata kerja dalam bahasa Arab. Penggunaan metode terjemahan dari bahasa penutur (bahasa Melayu) ke bahasa Arab dalam penulisan teks para pelajar adalah faktor utama yang menyebabkan pelajar mengalami masalah dalam penulisan teks. Ini kerana bahasa Arab mempunyai struktur ayatnya yang tersendiri dan tidak boleh diterjemahkan secara terus dari bahasa penutur (bahasa Melayu).

Formula pola ayat yang digunakan pula merujuk kepada kaedah yang diolah semula dari kaedah pengajaran klasik berkaitan dengan struktur ayat yang terdapat dalam bahasa Arab. Formula pola ayat pada peringkat awal hanya melibatkan formula pembentuk ayat kata kerja transitif (*al-Muta'addiy*) dan ayat kata kerja tidak transitif (*al-Lazim*). Setiap ayat yang menggunakan kedua-dua kata kerja ini distrukturkan semula dengan pola perkataan yang terdapat di dalamnya. Kedua-dua pola ayat ini akan dinamakan dengan mengambil contoh ayat yang asas iaitu ayat buat epal untuk kata kerja transitif dan ayat pergi ke sekolah untuk kata kerja tidak transitif. Data menunjukkan, melalui formula pola ayat yang digunakan, pelajar mampu untuk memahami dan menguasai penulisan teks bahasa Arab dengan baik dan berkesan. Formula pola ayat ini seterusnya diperkembangkan kepada bentuk ayat kata namaan dan lain-lain kaedah nahu yang terdapat dalam bahasa Arab.

Pernyataan Masalah

Program Ijazah Sarjana Muda (ISM) Bahasa Arab dengan pendidikan adalah antara program yang ditawarkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Semenjak bermula penawarannya pada tahun 2008 sehingga kini, program ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan telah melahirkan ramai graduan guru yang kini berkhidmat di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Sepanjang tempoh itu juga telah memperlihatkan permasalahan dalam kalangan pelajar dalam menguasai bidang penulisan teks bahasa Arab (Nazri, et al,2014). Walaupun para pelajar ini menguasai dengan baik formula-formula sintaksis, leksikal dan morfologi, tetapi mereka gagal untuk mengaplikasikannya dalam tulisan mereka dalam membina ayat gramatis mengikut struktur nahu yang betul. Perihal ini dapat dilihat dengan jelas dalam artikel penulisan para pelajar dalam projek tahun akhir.

Antara punca yang menyebabkan pelajar sering kali melakukan kesalahan dalam penulisan mereka adalah kerana kebanyakan pelajar melakukan aktiviti terjemahan dalam membina ayat dari bahasa Melayu yang merupakan bahasa penutur ke bahasa Arab yang merupakan bahasa kedua pelajar. Aktiviti terjemahan ini tidak mengambil kira kaedah yang terdapat dalam struktur ayat dari kedua-dua bahasa tersebut (Saipolbarin, 2006). Selain itu, kebanyakan pelajar juga tidak dapat membezakan pola ayat namaan dan pola ayat kata kerja dalam bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mengkonstruksikan leksikal ketika membina sesuatu ayat secara gramatis (Zainol, 2003).

Sementara itu, menurut Maimun Aqsha Lubis (1997) kebanyakan guru bahasa Arab, mengajar dengan menggunakan pendekatan tradisional iaitu menggunakan buku teks semasa mengajar pemahaman, pengajaran tatabahasa dengan menggunakan teknik latih tubi lisan secara mekanikal di samping guru menyampaikan pengajaran kepada seluruh kelas dengan secara langsung dan pelajar hanya memberi tindakbalas yang sepatutnya sahaja. Pendekatan ini juga dikenali dengan pendekatan strukturalis iaitu proses pengajaran dan pembelajaran hanya memberi fokus dari aspek nahu dan tatabahasa sahaja (Sharifah, 1986). Manakala menurut Raminah (1987), pendekatan pengajaran tradisi yang stereotaip akan membosankan pelajar kerana sifatnya yang dingin dan beku. Kebanyakan guru bahasa Arab sama ada di sekolah atau pusat pengajian tinggi, lebih cenderung untuk menggunakan teknik pengajaran klasik yang hanya tertumpu kepada proses pengajaran nahu, hafazan dan terjemahan. Proses pengajaran pula lebih berpusatkan kepada guru berbanding pelajar.

Untuk menghasilkan kemahiran bahasa yang berkesan, pendekatan yang sedia ada perlu diolah semula di samping memperkenalkan pendekatan baru yang lebih efektif khususnya berkaitan dengan kemahiran penulisan. Hasil daripada inovasi pendekatan pengajaran dalam bahasa Arab dan disokong oleh kefahaman sedia ada pada pelajar, penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab akan dapat ditingkatkan (Saipolbarin, 2006). Ini kerana penguasaan pelajar yang baik dalam tatabahasa sahaja tidak dapat menjamin pelajar tersebut dapat menggunakannya dengan cara yang betul sekiranya tidak disertakan dengan kaedah yang sesuai dan berkesan. Justeru, kajian ini akan mempraktikkan satu formula baru dalam proses pengajaran bahasa Arab iaitu pendekatan pola ayat bahasa Arab. Formula ini dicadangkan dijadikan sebagai satu modul bagi memahirkan pelajar untuk menguasai penulisan teks bahasa Arab dalam membentuk ayat-ayat bahasa Arab yang lebih berstruktur dan gramatis. Diharapkan dengan hasil kajian ini juga, akan dapat memberi satu suntikan baru dalam proses pengajaran bahasa Arab yang selama ini lebih bersifat tradisi dan stereotaip.

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1. Pelajar dapat menguasai penulisan teks Arab dengan lebih baik dan berstruktur melalui formula pola ayat. Ini kerana pelajar telah mempelajari malahan ada yang mengingati setiap *matan* formula tatabahasa Arab. Walaupun begitu, pelajar gagal untuk mengaplikasikannya dalam penulisan. Pendekatan formula pola ayat ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar untuk mengaplikasikan setiap kaedah bahasa Arab dalam penulisan mereka.
2. Mempelbagaikan kaedah pengajaran penulisan teks ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab. Aplikasi penggunaan formula pola ayat dalam penulisan teks ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam penulisan teks Arab berbanding pengejalan corak pengajaran yang bersifat tradisi dan stereotaip. Modul pola ayat yang digunakan dalam kajian ini menunjukkan kecenderungan pelajar untuk menguasai penulisan teks Arab dengan lebih baik.
3. Pengaplikasian formula pola ayat dapat meningkatkan keupayaan sendiri pelajar dalam membina ayat yang lebih berstruktur dan gramatis.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam penulisan teks ayat kata kerjaan bahasa Arab?
2. Kenapakah pelajar sering kali melakukan kesilapan tatabahasa dalam penulisan teks ayat kata kerjaan bahasa Arab?
3. Apakah kaedah alternatif berkesan yang dapat dikemukakan kepada pelajar dalam pengajaran sintaksis, leksikal dan morfologi bahasa Arab dalam penulisan?

Objektif Kajian

Diharapkan kajian ini dapat memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam penulisan teks ayat kata kerjaan bahasa Arab.
2. Menganalisis faktor yang menyebabkan pelajar sering kali melakukan kesilapan tatabahasa dalam penulisan teks ayat kerjaan bahasa Arab.
3. Mengemukakan kaedah formula pola ayat sebagai kaedah alternatif yang berkesan kepada pelajar dalam pengajaran sintaksis, leksikal dan morfologi bahasa Arab dalam penulisan.

Kepentingan Kajian

1. Penggunaan formula pola ayat dalam pengajaran penulisan teks bahasa Arab adalah lebih interaktif dan berkesan serta berpusatkan kepada pelajar. Dalam waktu yang sama, formula ini dapat memberi ruang kepada pelajar untuk belajar secara bersendirian ataupun berkumpulan kerana formula ini telah memberi panduan bagaimana pelajar membina ayat gramatis.

2. Membantu pelajar untuk menguasai kaedah penulisan teks dengan mudah dan tidak melakukan kesalahan dari aspek sintaksis, leksikal dan morfologi.
3. Menyediakan satu aturan yang ringkas dan sistematik berkaitan dengan kaedah penulisan teks bahasa Arab.
4. Mempelbagaikan pendekatan kaedah pengajaran bahasa Arab dan dalam waktu yang sama dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran agar ia menjadi lebih terfokus.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dalam dua reka bentuk kajian iaitu reka bentuk kajian deskriptif dan reka bentuk kajian kuasi-eksperimen. Reka bentuk kajian deskriptif menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif. Dalam kajian deskriptif ini, data dianalisis secara kuantitatif. Instrumen soal selidik dan ujian diagnostik digunakan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi pelajar dalam penulisan teks bahasa Arab. Masalah yang menjadi fokus kajian iaitu masalah leksikal, morfologi, dan sintaksis. Selain itu aspek kelemahan dan kesilapan pelajar dalam tatabahasa bahasa Arab juga dapat dikenalpasti. Hasil daripada soal selidik dan ujian diagnostik ini telah digunapakai oleh pengkaji bagi tujuan membina modul pengajaran pola ayat bahasa Arab. Rekabentuk kuasi-eksperimen (*quasi-experimental*) pula bertujuan melihat keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul ke atas korpus kajian.

Selain itu, kajian ini melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama adalah menganalisis masalah penulisan teks dalam kalangan pelajar. Manakala peringkat kedua pula adalah mereka bentuk dan mengolah satu modul baru dalam pengajaran penulisan teks bahasa Arab iaitu formula pola ayat. Untuk menganalisis masalah penulisan teks dalam kalangan pelajar, langkah pertama yang dilakukan adalah menganalisis keperluan pelajar terhadap pembelajaran pola ayat. Analisis keperluan ini adalah menjadi asas kepada modul pengajaran pola ayat. Ini kerana sekiranya keperluan pelajar telah dapat dikenalpasti pada peringkat awal, maka proses penggubalan sukatan pelajaran dan pemilihan kaedah yang bersesuaian akan menjadi lebih mudah (Asmah Omar, 2004). Kaedah yang digunakan pada peringkat ini adalah melakukan kajian lapangan dalam bentuk soal selidik. Soal selidik ini meliputi soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang pelajar dan masalah-masalah yang dihadapi ketika membina ayat yang melibatkan aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Pada peringkat ini, analisis keperluan yang dilakukan adalah berfokuskan kepada persepsi pelajar sahaja terhadap keperluan dan masalah yang mereka hadapi dalam proses membina ayat dalam bahasa Arab.

Langkah seterusnya adalah mengenal pasti aspek-aspek kelemahan dan kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam pembentukan ayat bahasa Arab. Dalam langkah ini juga, ia akan memperlihatkan masalah sebenarnya yang dihadapi oleh pelajar dalam proses pembinaan ayat dalam bahasa Arab. Untuk tujuan itu, satu set ujian diagnostik dijalankan kepada pelajar yang merangkumi aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Bentuk ujian yang digunakan ialah ujian membina ayat berpandukan perkataan dan arahan yang diberikan dan ujian membetulkan ayat yang salah untuk menjadi ayat yang lebih gramatis. Berdasarkan ujian diagnostik ini, aspek-aspek kelemahan pelajar dalam proses membina ayat dapat dikenalpasti seperti aspek kelemahan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab, aspek penguasaan struktur-struktur dalam bahasa Arab, morfologi Arab dan sebagainya. Seterusnya berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan, ia akan dapat membantu guru untuk merancang penggunaan kaedah yang sesuai semasa dalam proses pengajaran dalam kelas.

Peringkat kedua adalah mereka bentuk dan mengolah satu modul baru dalam pengajaran penulisan teks bahasa Arab iaitu formula pola ayat. Pada peringkat ini, teori pendidikan sosial atau neobehaviorisme diaplikasikan bagi melaksanakan pengajaran modul pola ayat. Teori sosial merupakan gabungan antara teori behaviorisme dengan kognitif yang terkenal dengan pendekatan bahawa proses pembelajaran melalui modul pemodelan akan melalui proses pemerhatian dan peniruan. Albert Bandura (1986) adalah antara tokoh dalam teori ini yang mengemukakan pendapat bahawa dalam proses pembelajaran melalui pendekatan model, terdapat empat unsur utama yang diterapkan iaitu unsur perhatian, mengingat, penghasilan dan pengukuhan. Aktiviti pengajaran membina ayat berdasarkan kepada modul formula pola ayat adalah berpandukan kepada model dan proses yang terdapat dalam teori sosial.

Model Formula Pola Ayat

Formula pola yang dibina dalam modul ini hanya melibatkan model formula pola ayat kata kerja yang melibatkan kata kerja transitif dan kata kerja tidak transitif. Model formula pola ayat kata kerja dibina sebagai panduan kepada pelajar untuk membina ayat kata kerja dalam bahasa Arab. Untuk membina model formula pola ayat ini, pelajar didedahkan dengan formula pola ayat yang diolah semula oleh guru. Formula pola ayat yang diberikan ialah formula ayat kata kerja yang menggunakan kata kerja transitif dinamakan sebagai ayat “*buah epal*” dan ayat kata kerja yang menggunakan kata kerja tidak transitif dinamakan sebagai ayat “*ayat pergi sekolah*”. Pelajar diminta untuk memerhatikan struktur yang terdapat dalam kedua-dua jenis ayat ini. Seterusnya pelajar akan didedahkan pula dengan beberapa contoh ayat lain yang berasaskan ayat buah epal dan ayat pergi ke sekolah sehingga mereka dapat memahami dan menguasainya dengan baik. Jadual dibawah menunjukkan struktur pola kata yang terdapat dalam kedua-dua jenis ayat ini:

Jadual 1: Ayat Buah Epal

المفعول به	الفاعل	الفعل
التفاحة	الطالب	أكل
buah epal	seorang pelajar lelaki	telah makan

Ayat dalam jadual 1 adalah formula pola ayat yang digunakan sebagai panduan kepada pelajar untuk membina ayat kata kerja transitif. Objek buah epal dalam ayat ini dijadikan sebagai kata kunci untuk jenis ayat ini. Ayat ini dinamakan dengan ayat buah epal untuk memudahkan pelajar mengingati formula pola ayat yang diberikan.

Jadual 2: Ayat Pergi Ke Sekolah

اسم المجرور	حرف الجار	الفاعل	الفعل
المدرسة	إلى	الطالب	ذهب
sekolah	ke	seorang pelajar lelaki	telah pergi

Ayat dalam jadual 2 adalah formula pola ayat yang digunakan sebagai panduan kepada pelajar untuk membina ayat kata kerja tidak transitif. Struktur pola ayat pergi ke sekolah dalam ayat ini dijadikan sebagai kata kunci untuk jenis ayat ini. Ayat ini dinamakan dengan

ayat pergi ke sekolah untuk memudahkan pelajar mengingat formula pola ayat yang diberikan.

Setelah peringkat pemerhatian dilakukan, pelajar diminta untuk mengingat semula formula-formula yang diberikan. Dengan mengambil kira untuk memudahkan pelajar mengingat formula-formula ayat tertentu, guru menggunakan kreativiti untuk menamakan formula-formula tersebut dengan nama yang mudah diingat oleh pelajar seperti menggunakan nama formula ayat "*buah epal*" untuk ayat kata kerja transitif dan ayat "*ayat pergi sekolah*" untuk ayat kerja tidak transitif. Pelajar seterusnya dilatih secara berulang kali dengan menggunakan pendekatan inkuiri terbimbing. Pelajar diminta untuk membuat ayat berdasarkan kepada kosa kata yang terdapat dalam modul dan juga kosa kata tambahan yang diberikan oleh guru. Bagi mengukur tahap kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap formula pola ayat ini, latihan dilakukan secara berterusan. Pada peringkat ini, pelajar sekadar perlu meniru semula struktur yang terdapat pada formula pola ayat bagi kedua-dua jenis ayat ini dan seterusnya mengaplikasikannya pada pembentukan ayat kata kerja yang lain.

Setelah melalui dua proses ini, pelajar akan melalui proses yang seterusnya iaitu proses penghasilan. Pada peringkat ini, pelajar dikehendaki membina ayat-ayat berkaitan berpandukan formula-formula yang telah didedahkan pada peringkat sebelum ini. Dalam erti kata lain, pelajar membina ayat dengan cara meniru semula struktur-struktur ayat yang telah diberikan oleh guru. Bezanya pada peringkat ini pelajar membina ayat dengan menggunakan perkataan mereka sendiri. Aktiviti ini akan dipantau sepenuhnya oleh guru. Seterusnya guru akan bertindak dengan melakukan aktiviti pengukuhan terhadap aktiviti pelajar. Setiap ayat yang betul, tindak balas pengukuhan secara langsung dilakukan seperti memberi pujian kepada pelajar. Keadaan ini akan dapat meningkatkan motivasi pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Manakala untuk ayat yang masih lagi terdapat kesalahan, aktiviti pemulihan akan dilakukan oleh guru sehingga pelajar dapat menguasai dengan baik topik yang dibincangkan. Gambarajah di bawah menunjukkan peringkat yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini.

Analisis Data

Dapatan kajian daripada analisis keperluan pelajar menunjukkan terdapat dua kategori keperluan pelajar terhadap penggunaan formula pola ayat dalam bahasa Arab. Kategori pertama adalah kumpulan pelajar yang memahami semua formula dan rumus penting dalam bahasa Arab, tetapi mereka gagal untuk aplikasi dalam penulisan ayat mereka. Manakala kategori kedua pula, pelajar sedia ada tidak menguasai formula dan rumus yang terdapat dalam bahasa Arab. Kedua-dua kategori ini sebenarnya dapat menggambarkan tahap penguasaan dan kefahaman mereka terhadap bahasa Arab. Kategori kumpulan pertama adalah fokus utama dalam kajian ini. Ini kerana pada diri pelajar, mereka telah menghafal formula-formula penting dalam bahasa Arab, tetapi masalah yang mereka hadapi adalah cara untuk mengaplikasikan semua formula ini dalam teks penulisan mereka. Manakala untuk kumpulan kedua, para pelajar ini perlu didedahkan terlebih dahulu dengan formula dan rumus yang terdapat dalam bahasa Arab sebelum didedahkan dengan formula pola ayat. Data adalah seperti berikut:

Jadual 3: Kategori Penguasaan Pelajar terhadap formula bahasa Arab

Kategori pelajar	Jumlah
Kumpulan pelajar kategori 1	245 orang (90.7%)
Kumpulan pelajar kategori 2	25 orang (9.3%)

Dalam jadual 3 menunjukkan terdapat dua kategori pelajar dalam penguasaan bahasa Arab. Kumpulan pertama adalah kumpulan pelajar yang sedia mengetahui tentang formula dan rumus-rumus dalam bahasa Arab dan ia merupakan kumpulan majoriti pelajar. Manakala kumpulan kedua pula adalah kumpulan pelajar yang masih mempunyai masalah dalam memahami formula dan rumus-rumus dalam bahasa Arab.

Jadual 4: Kategori Masalah Penulisan Teks Dalam Kalangan Pelajar

Masalah Penulisan Pelajar	Jumlah Pelajar
Leksikal	112 (41.5%)
Morfologi	186 (68.9%)
Sintaksis	231 (85.6%)

Dalam jadual 4 menunjukkan para pelajar menghadapi masalah dalam pembinaan ayat kata kerja transitif dan tidak transitif dalam bahasa Arab yang meliputi bidang leksikal, morfologi dan sintaksis. Bidang sintaksis merupakan peratus terbanyak kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan teks. Keadaan ini berlaku apabila kebanyakan pelajar melakukan penterjemahan terus dari bahasa Melayu ke bahasa Arab dalam proses membina ayat. Situasi ini menjadi masalah utama dalam penulisan teks dalam bahasa Arab. Ini kerana struktur ayat yang terdapat dalam ayat kata kerja bahasa Arab adalah berbeza dengan struktur ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu, contohnya dalam aspek subjek, predikat dan objek dalam bahasa Melayu yang berbeza dengan bahasa Arab.

Jadual 5: Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Diagnostik

	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D
Jumlah Pelajar	8 (3%)	25 (9.3%)	13 (4.8%)	224 (82.9%)

Data dalam jadual 5 pula jelas menunjukkan tahap penguasaan pelajar dalam membina ayat dalam bahasa Arab adalah lemah. Hanya 3% iaitu seramai 8 orang pelajar sahaja dapat membina ayat dengan betul, manakala 82.9% iaitu seramai 224 orang pelajar mendapat gred D. Melalui data dalam jadual 3 sebelum ini, peratus menunjukkan pelajar yang sedia mengetahui tentang formula dan rumus dalam bahasa Arab adalah tinggi dengan jumlah sebanyak 90.7% iaitu seramai 245 orang pelajar berbanding 9.3% iaitu seramai 25 orang pelajar sahaja. Melalui data ini juga jelas menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang telah menghafal semua formula dan rumus dalam bahasa Arab dengan baik, tetapi mereka gagal untuk mengaplikasikannya dalam teks penulisan mereka. Oleh itu pendekatan formula ayat diperkenalkan kepada pelajar bagi membantu pelajar untuk membina ayat dengan baik.

Jadual 6: Analisis Pencapaian Pelajar Dalam Ujian Pasca

	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D
Jumlah Pelajar	250 (92.6%)	12 (4.4%)	5 (1.9%)	3 (1.1%)

Jadual 6 pula menunjukkan aras pencapaian pelajar dalam penulisan teks bahasa Arab setelah pendekatan modul formula ayat diperkenalkan kepada pelajar. Data jelas menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan dalam kalangan pelajar. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan ini adalah kerana, kebanyakan pelajar pada asalnya telah menguasai dan menghafal segera formula dan rumus yang terdapat dalam bahasa Arab. Penggunaan formula pola ayat ini sekadar membantu mereka untuk menggunakan teknik yang betul dan mudah dalam membina ayat dalam bahasa Arab. Pendekatan modul formula pola ayat yang dilakukan dalam kuasi-eksperimen selama beberapa tempoh tertentu telah berjaya untuk membantu pelajar dalam meningkatkan kecekapan mereka membina ayat dalam bahasa Arab.

Penutup

Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan formula pola ayat dalam penulisan teks dalam kalangan pelajar ISM bahasa Arab dengan Pendidikan UPSI. Data menunjukkan pelajar mengalami masalah dalam mengaplikasi teori-teori yang mereka pelajari dalam penulisan teks bahasa Arab. Formula penulisan ayat ini mengadaptasi teori sosial yang menggabungkan antara teori behaviorisme dan kognitif yang terkenal dengan pendekatan pembelajaran melalui modul pemodelan. Melalui teori formula pola ayat ini, pelajar didedahkan dan dibimbing dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan ringkas. Keseluruhannya pelajar mampu untuk mengaplikasikan teori-teori yang mereka pelajari dalam penulisan teks secara efektif dengan menggunakan pendekatan formula pola ayat.

Penghargaan

Penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI, bagi pembiayaan Geran Penyelidikan Universiti (GPU) 2018 dibawah tajuk Integrasi Elemen Pemikiran Aras Tinggi (KBAT) Berasaskan Kit Media Dalam Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Guru-Guru Pelatih Bahasa Arab UPSI.

Rujukan

- Albert Bandura. (1986). *Social Learning Theory (on-line)*. Dimuat turun pada 6 Oktober 2016 daripada <https://www.learning-theories.com/social-learning-theory-bandura.html>.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimun Aqsa Lubis. (1997). *Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa*. Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli, Zawawi Awang Hamat. (2014). *Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor.
- Raminah Sabran. (1987). *Kaedah Pengajaran Bahasa Malaysia*. Fajar Bakti Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.

- Saipolbarin Ramli. (2006). *Memahirkan Murid Dalam Pembentukan Ayat Kata Kerja Dalam Bahasa Arab Melalui Kaedah Saipol Barin*. Buku Prosiding Konvesyen Kajian Tindakan Negeri Perak. Sektor Pengurusan Akademik. Jabatan Pelajaran Perak: Perak.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1986). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Zainol Abidin Ahmad. (2003). *Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Tidak dieterbitkan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.